

PERSIDANGAN MEJA BULAT ASIA-PASIFIK KE-28

China jamin keselamatan, keamanan serantau

Tindakan China menggunakan kekerasan dalam isu tuntutan kepulauan Laut China Timur dan Laut China Selatan menimbulkan kebimbangan kepada negara rantau Asia-Pasifik.

Ditambah pula dengan tindakan Amerika Syarikat (AS) menambah tentera lautnya selain kunjungan Presiden Barack Obama baru-baru ini, ke beberapa negara Asia yang ditafsir sebagai langkah memperluas kuasa ketenteraan di Pasifik.

Persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik Ke-28 anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) selama tiga hari memberi fokus utama apakah motif sebenar China dan sejauh mana ia akan berlanjut.

Presiden China, Xi Jinping, ketika ini mengamalkan dasar baru dalam dasar luarnya selaras dengan pembangunan abad ke-21 yang amat mencabar, tetapi bagi negara lain ia masih samar.

Apakah sebenarnya dasar itu? Bagaimana ia dilaksanakan dan kenapa menjadi persoalan.

Hubungan China, AS mahupun Jepun terkawal

Bagaimanapun, Presiden Institut Shanghai bagi Pengajian Antarabangsa, Prof Dr Chen Dongxiao, menyifatkan hubungan China, AS mahupun dengan Jepun dalam keadaan baik, malah tidak ada sebarang krisis berlaku, semua terkawal dan tidak perlu dibimbangkan.

"Tidak ada sebarang pertikaian,

Beijing bersedia selesai krisis dengan negara jiran di meja rundingan

konfrontasi mahupun krisis, malah semua hubungan dua hala antara China dengan AS berjalan dengan baik," katanya.

Beijing sentiasa bertanggungjawab dalam semua tindak-tanduknya ke atas negara jiran dan tidak ada tindakan agresif ketenteraan dilakukan dalam menangani krisis termasuk dengan Jepun, Vietnam dan Filipina.

Usaha menjamin keamanan dan keselamatan serantau adalah fokus utama China kerana itu kerjasama proaktif perlu ada di samping sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur dan saling menghormati.

Situasi 'menang-menang' perlu ada yang mana semua kerjasama dijamin untuk kepentingan semua negara terbabit dan bukan keuntungan diperoleh satu pihak saja, katanya.

Pada masa sama China terus berusaha menjadi kuasa ekonomi dunia yang utama, sentiasa bersikap positif dan meningkat idea inovatif.

China dilaporkan menambah 10

peratus perbelanjaan meningkatkan kekuatan angkatan tenteranya, tetapi tidak jelas kekuatannya setara mana, bagaimanapun, dengan 1.3 bilion jumlah rakyatnya situasi itu sebenarnya ditakuti negara jiran.

Tindakan China di Kepulauan Senkaku dan Kepulauan Spratly

Tindakan China di perairan Kepulauan Senkaku menggusarkan Jepun, manakala di Kepulauan Spratly memaksa Filipina mendapatkan bantuan Mahkamah Dunia. Perkembangan ini menggusarkan rantau ini.

Pengarah Institut Kajian Antarabangsa Universiti Tsinghua, China, Prof Dr Yan Xuetong, bagaimanapun berkata tidak ada sebab untuk tidak boleh menyelesaikan masalah berkenaan.

Apa yang berlaku dijadikan isu oleh pihak tertentu khususnya media yang gagal memahami situasi sebenar dengan negara terbabit sedangkan meja rundingan terbuka luas.

Masalah keselamatan perairan Asia Tenggara dan Timur Asia, katanya bukan perkara baharu, malah ia sudah berlangsung sejak berdekad lalu, cukup lama cuma China dilihat lebih agresif sejak kebelakangan ini.

Tidak ada tindak tanduk ketenteraan berlaku secara sewenang-wenangnya, ini kerana dasar utama China lebih mementingkan keamanan, keselamatan dan pembangunan ekonomi.

Bagi negara serantau, adalah pen-



**SERI INTAN
OTHMAN**

intan@bh.com.my



Peserta mendengar **perbincangan ahli panel Persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik Ke-28** anjuran ISIS, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

[FOTO ZUNNUR AL SHAFIQ/BH]

Antara ahli panel Persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik Ke-28.



ting bagi China mengelak daripada menggunakan tindakan yang meningkatkan ketegangan dan antara penyelesaian ialah mengambil langkah yang dapat membina keyakinan.

Syor tingkat kerjasama erat dengan negara rantau

Pengerusi ISIS Malaysia, Tan Sri Jawhar Hassan, menyarankan supaya China berusaha meningkatkan kerjasama erat dengan negara rantau ini secara lebih baik contohnya dengan menandatangani perjanjian Kod Tata Laku (COC) sebagai jaminan.

Ini penting bagi memastikan di masa depan tidak lagi berlaku gangguan atau ancaman keselamatan kerana China kini disifatkan kuasa besar utama hingga AS mula menunjukkan minat untuk campur tangan.

Jepun tak minat peperangan, fokus doktrin Abenomics

China, Jepun dan Korea Selatan perlu meningkatkan hubungan ke tahap lebih baik demi menjamin Asia-Pasifik menjadi rantau lebih teguh dari segi ekonomi, politik dan keselamatannya.

Semua 165 negara rantau terbabit juga perlu bergabung tenaga dalam mengekang tindak tanduk Korea Utara dalam mengeluarkan senjata nuklear yang dibimbangi mengerahkan lagi keadaan hari ini yang sudah semakin tegang akibat pertikaikan China, Jepun, Vietnam dan Filipina.

Persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik Ke-28 yang berlangsung tiga hari di ibu negara baru-baru ini memberi fokus utama perbincangan wakil semua negara terbabit dan turut disertai Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah (EU) Kanada, Australia dan New Zealand.

Sikap Jepun yang lebih condong

menjalin hubungan erat dengan AS turut mendapat perhatian peserta persidangan yang bimbang dengan kehadiran tentera negara itu dalam usahanya memperkuatkan agenda ketenteraannya di rantau ini.

Walaupun Naib Menteri bagi Hal Ehwal Luar Jepun, Norio Mitsuya menegaskan sejak peperangan dunia kedua berakhir, iaitu 70 tahun lalu Jepun tidak hanya memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi dan kestabilan hidup rakyatnya.

Tumpu bantu negara jiran

“Kami tidak berminat lagi dengan peperangan mahupun menjalankan aktiviti ketenteraan, malah tumpuan diberikan membantu negara jiran yang ditimpa malapetaka seperti taufan di Filipina, Haiti dan usaha mencari dan menyelamat (SAR) MH370 Malaysia,” katanya.

Pintu Jepun, katanya sentiasa terbuka untuk meja perundingan kepada sesiapa sahaja khususnya China yang mempertikaikan pulau Shenkaku yang sudahpun dibeli oleh Jepun daripada pemilik persendirian.

Isu adakah Jepun bangkit semula atau kembali aktif dalam bidang ketenteraan seperti perang dunia kedua turut hangat dibincangkan kerana rantau Asia-Pasifik kini adalah pusat tumpuan ekonomi dunia.

Presiden Institut Hal Ehwal Antarabangsa Jepun (JIIA), Yoshiji Nogami menyifatkan pandangan negatif itu sama sekali tidak benar kerana negara matahari terbit itu hanya mahukan kejayaan dalam pembangunan ekonominya.

Sejak Shinzo Abe kembali memerintah sebagai Perdana Menteri tahun lalu, Jepun lebih fokus dengan



Yoshiji Nogami

‘Abenomics’ yang bertumpu kepada usaha memulihkan ekonomi secara lebih agresif menerusi dasar kewangan dengan sasaran hanya dua peratus kadar inflasi, dasar fiskal yang fleksibel serta meningkatkan strategi menarik lebih banyak pelaburan individu dalam pasaran baru.

Beliau berkata, Jepun juga mempererat hubungan dengan AS seba-

gai rakan sekutu, ASEAN, Australia, India, China dan Korea di samping Russia, Asia Barat dan sentiasa menyertai dunia dalam menyelesaikan isu global.

Erat hubungan dengan AS

Pelbagai dasar keselamatan baru dibentuk sejak Disember tahun lalu termasuk Majlis Keselamatan Nasional (NSC) pada 4 Disember 2013, badan Strategik Keselamatan Nasional (NSS), 17 Disember 2013, Garis Panduan Program Pertahanan Nasional (NDPG), 17 Disember 2013 dan Tiga Dasar Pemindahan Peralatan Pertahanan, hak mempertahankan keselamatan negara dan hubungan kerjasama erat dengan AS.

Pada masa sama juga, Jepun mengamalkan dasar proaktif dalam menjamin keamanan dan keselamatan serantau termasuk ASEAN dan Timur Laut Asia dengan memastikan undang-undang sedia ada dipatuhi, katanya.

Bagaimanapun, hubungan tegang antara Jepun dan China menjadi topik perbincangan kerana dua kuasa besar Asia ini turut dibimbangi akan terbabit dalam kancang pepe-

rangan dan seterusnya menghancurkan negara jiran sekitarnya.

Profesor Sains Politik Ford International, Pengajian Antarabangsa Massachusetts Institute of Technology, Richard J Samuels, menyifatkan Jepun ketika ini dalam keadaan kekal pada tahap sama sejak tahun 1992 hingga tahun 2013.

Kesibukan pilihan raya gugat ekonomi

Katanya, Jepun sibuk dengan pilihan raya yang menggugat ekonominya dengan peningkatan kadar pertumbuhan ekonominya (GDP) kurang satu peratus setahun.

“Keadaan ini membimbangkan kerana itu Abenomics memberi fokus utama mengubah situasi ini bagi memastikan ia terus membangun dan mampu bersaing rapat dengan China,” katanya.

Seperti kata Matsuya, dasar Jepun pada masa depan akan tetap sama kerana yang penting ialah pembangunan ekonomi negara dan rakyatnya di samping membantu negara jiran, bukan untuk mengancam mana-mana negara meskipun AS sekutunya.

Kadar inflasi tinggi, pemimpin terbabit rasuah punca India kekal miskin

Kedudukan ekonomi India yang kekal miskin walaupun sudah sekian lama merdeka mendapat perhatian dalam Persidangan Meja Bulat Asia-Pasifik Ke-28.

India mempunyai lebih dua bilion penduduk dan mempunyai wilayah yang cukup besar, sumber asli yang banyak, tetapi tidak mampu membangun dengan baik.

Pengarang Luar Negara *Hindustan Times*, Pramit Pal Chaudhury, berpendapat sejak tahun 2008 hingga tahun ini, amat sukar bagi India berbanding tahun 1999 hingga tahun 2008 yang mana pertumbuhan ekonomi ketika itu 10 peratus.

Kini kadar inflasi amat tinggi, sembilan peratus setahun menjadikan kehidupan rakyat semakin sukar dan masalah rasuah dalam kalangan pemimpin menjadi isu utama menambah burukkan lagi keadaan.

Wilayah di negara ini amat besar, pemimpin pelbagai ragam, tidak ada parti politik yang benar-benar berjaya memajukan negara sama ada Parti Kongres mahupun Parti Bharatiya Janata (BJP).

Punca kejatuhan adalah disebabkan krisis kewangan dunia yang sukar ditangani mengakibatkan eksport produk India merosot dengan teruk dan pelabur asing lari.

Sebab kedua adalah kerana sikap buruk pemimpin yang terbabit dengan banyak skandal rasuah sejak tahun 2009 yang sukar dibendung sehingga pembangunan lumpuh.

Ini membabitkan lombong arang batu, telekom, sektor perkhidmatan, pengangkutan serta pelabuhan yang sepatutnya boleh dibangunkan dengan pantas dan membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.

Dasar pembangunan tercemar dengan pelbagai isu dalam kempen pilihan raya Parti Kongres contohnya yang menjadikan isu alam sekitar sebagai penghalang projek infrastruktur dalam kalangan penduduk pedalaman.

Isu menakutkan pelabur

Ini menakutkan pelabur khususnya syarikat korporat besar untuk melabur menyebabkan jatuhnya kadar pendapatan kasar daripada 17.3 peratus kepada 11.6 peratus bagi tahun 2008-2009.

Faktor ketiga ialah dasar Pengurus Parti Kongres, Sonia Ghandi, yang lebih mengutamakan kebaikan rakyat untuk meraih undi bukan tumpuan pembangunan sebenar.

Faktor keempat disebabkan kadar inflasi yang tinggi sehingga 11 hingga 13

peratus setahun menjadikan harga makanan terlalu tinggi menyebabkan kerajaan terpaksa memberi bantuan subsidi yang banyak.

Bagaimanapun, katanya pilihan raya baru-baru ini berjalan dengan baik dan Perdana Menteri, Narendra Modi diharapkan membawa perubahan yang mengubah kedudukan India seluruhnya.

Bagi isu ASEAN, politik Thailand menjadi persoalan utama yang mana rejim tentera diketuai oleh Jeneral Prayuth Chan-ocha merampas kuasa pada 27 Mei lalu.

Masalah politik di Thailand

Felo Kanan ISIS, Bunn Nagara, berpendapat masalah politik negara Gajah Putih itu sukar dipastikan kerana sejak tahun 2001 sudah beberapa kali kerajaan demokrasi pilihan rakyat bangun dan tumbang.

Sejak pemerintahan Thaksin Shinawatra lagi, Thailand sudah bergolak, begitu juga bila adiknya Yingluck berkuasa, rakyat tidak pernah puas hati. Masalah utama ialah kehidupan sebahagian besarnya rakyatnya yang juga 60 peratus adalah petani miskin yang tidak mendapat keadilan dari segi pembangunan.

"Lihat keadaan di Timur Laut Thailand, terlalu sedikit pembangunan berbanding di Bangkok yang mewakili 40 peratus penduduk, begitu juga di selatan masih keganasan tidak pernah selesai," katanya.

Sistem demokrasi Thailand berbeza dengan negara lain kerana Rajanya boleh mengambil alih apabila rakyat gagal memerintah dengan baik dan kali ini ia berlaku lagi dan tidak diketahui jalan penyelesaiannya.

Mengenai Myanmar, persidangan itu mempersoalkan apa yang bakal berlaku selepas kejayaan Aung San Suu Kyi meletakkan dirinya sebagai wakil rakyat kerana tidak kelihatan siapakah pengganti berkaliher.

Keselamatan perairan Asia Tenggara yang menjadi tumpuan banyak lanun juga dibincangkan. Bagaimanapun, disebabkan ASEAN mengamalkan sikap membiarkan negara terbabit menyelesaikannya sendiri, ia tidak memerlukan campur tangan kuasa besar maupun negara jiran.

Apa yang lebih penting ASEAN perlu mempunyai tugas lebih besar bukan hanya pejabat kecil di Jakarta yang kurang berkesan peranannya, kata Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia, Ong Keng Yong.



Pramit Pal Chaudhury



Ong Keng Yong